

4,194 penjawat awam bankrap sejak 2020 sehingga Jun lalu

Peningkatan kos sara hidup, komitmen hutang tinggi antara punca masalah

Oleh Latifah Arifin, Farah Marshita Abdul Patah, Muhamad Yusri Muzamir
ohnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 4,194 penjawat awam diisytihar bankrap antara 2020 hingga Jun tahun ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying, berkata data Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) itu bersamaan 0.3 peratus daripada 1.6 juta kakitangan awam di seluruh negara.

Beliau berkata, antara punca masalah kewangan itu ialah komitmen hutang tinggi dan kos sara hidup yang meningkat tetapi agensi kerajaan terus memantau supaya penjawat awam boleh mengurus kewangan dengan berhemah.

“Terdapat langkah kawalan khusus untuk penjawat awam melalui Peraturan 13, dalam Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menetapkan seseorang pegawai tidak boleh berada dalam keburutangan serius dengan gaji bersih bulanan tidak boleh kurang daripada 40 peratus.

“Bagi penjawat awam, kita me-



mang selalu akan berinteraksi dan berunding melalui AKPK (Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit) jika mereka menghadapi masalah kewangan,” katanya pada Waktu Pertanyaan Bagi Jawab Lisan semalam.

Beliau menjawab soalan Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai).

Kawal kewangan isi rumah

Mengulas kawalan terhadap pinjaman kewangan dalam kalangan penjawat awam, Hui Ying berkata, kelulusan dibuat institusi kewangan tertakluk kepada dokumen dasar amalan pembiayaan bertanggungjawab yang dikeluarkan Bank Negara Malaysia berkuat kuasa sejak 2012.

Melalui dasar itu katanya, ke-

rajaan memastikan kewangan isi rumah kekal terkawal sejajar kemampuan untuk membayar balik pinjaman.

Beliau berkata, institusi kewangan secara umum menjalankan penilaian ke atas kemampuan meminjam dengan mengambil kira pendapatan boleh guna bersih minimum serta *debt service ratio* (DSR).

“Pada akhir 2024, data menunjukkan DSR berada pada paras berhemat, iaitu 34 peratus.

Menjawab soalan tambahan Suhaizan Kaiat (PH-Pulau) mengenai langkah kerajaan menangani kenaikan harga rumah terutama di Johor bagi memastikan penjawat awam memiliki kediaman, Hui Ying berkata, beberapa program sudah dilaksanakan seperti kenaikan gaji menerusi Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

“Kita memang ada beberapa program antaranya program pemilikan rumah mampu milik yang dilaksanakan termasuk Residensi MADANI, PR1MA yang menyasarkan golongan berpendapatan sederhana dan rendah,” katanya.

“Data Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) itu bersamaan 0.3 peratus daripada 1.6 juta kakitangan awam di seluruh negara”

Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Kewangan

